

03 JUL 1996
Ting-Siasat
KERAJAAN TEMPATAN SALAHGUNA TABUNG PERPARITAN

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menyiasat perbuatan beberapa kerajaan tempatan yang menyalahgunakan wang tabung perparitan sumbangan pihak pemaju khusus bagi mengatasi masalah banjir di kawasan bandar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, perbuatan menyalahgunakan wang ini menyebabkan sesetengah bandar terus menghadapi masalah banjir terutamanya banjir kilat.

"Wang tabung itu seharusnya digunakan hanya untuk tujuan memperbaiki perparitan di sesebuah bandar bagi mengatasi masalah banjir tetapi kita terima laporan ia dibelanjakan untuk tujuan lain," katanya kepada pemberita dalam satu persidangan berita, di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan bentuk tindakan yang akan diambil ke atas kerajaan tempatan yang melakukan perbuatan demikian tetapi menegaskan wang itu seharusnya dibelanjakan untuk membaiki perparitan sahaja.

Dr Ting juga berkata Kementerian sedang mengkaji untuk menaikkan kadar sumbangan itu bagi tabung itu memandangkan masalah banjir yang meruncing di sesetengah bandar.

" Perkara ini dibincangkan dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan di Langkawi pertengahan bulan lalu dan sesetengah negeri mencadangkan agar kadar sumbangan ini dinaikkan ke satu kadar yang lebih munasabah," katanya.

Masalah banjir kilat kawasan bandar di seluruh negara mendapat perhatian kerajaan yang sudah meluluskan peruntukan tahunan sebanyak RM100 juta April lalu bagi mengatasinya.

Sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan dipergerusikan oleh Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud juga sudah ditubuhkan untuk tujuan yang sama sementara semua kerajaan tempatan pula diarahkan menubuhkan jawatankuasa masing-masing Januari tahun ini.

Mengenai masalah kesalahan bahasa di papan tanda, Dr Ting berkata penguasa tempatan hendaklah menghantar notis kepada pemilik dan memberikan tempoh kepada mereka untuk membetulkannya.

Pekara ini jelas dinyatakan dalam undang-undang kecil papan iklan dan majlis tempatan hendaklah lebih bersikap betimbang rasa kerana ada kepercayaan tertentu mengenai papan tanda perniagaan ini, katanya.

"Mengikut kepercayaan Cina apabila papan tanda ini diturunkan bermakna perniagaan itu mengalami kerugian dan pemiliknya hendak menutup perniagaan dan ini membawa petanda buruk," katanya.

Sementara itu mengenai perhimpunan agung MCA Sabtu ini, Dr Ting berkata ketiadaan perebutan jawatan tertinggi parti, pergerakan pemuda dan wanita menandakan kematangan ahli parti yang semakin tinggi.

"Pemilihan hanya untuk jawatan naib presiden dan ahli jawatankuasa dengan tidak ramai calon dan pengundian akan diselesaikan dalam masa yang singkat sahaja," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu sementara Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek akan merasmikan pesidangan pemuda dan beliau sendiri (Dr Ting Chew Peh) selaku setiausaha agung akan merasmikan perhimpunan wanita pada hari Jumaat. -- BERNAMA

MT PR